

SELATAN

Lelaki ditahan tanam dua pokok ganja

SEREMBAN 29 Jun - Polis menahan seorang lelaki berusia 25 tahun kerana menanam dua batang pokok ganja setinggi hampir semeter di belakang rumahnya di Felda Pasoh 2, Jempol, Sabtu lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Negeri, Supritendan R. Ravichandran berkata, suspek yang bekerja sendiri itu ditahan kira-kira pukul 11 pagi, hasil daripada maklumat orang ramai.

"Polis menemui pokok-pokok ganja berkenaan yang ditanam dalam beg plastik di belakang rumahnya," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Katanya, hasil ujian air kencing, suspek didapati positif menagih dadah.

Beliau memberitahu, pokok-pokok itu akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisis.

"Suspek ditahan reman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 6(B) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Ravichandran mengingatkan orang ramai agar tidak menanam pokok ganja kerana perbuatan itu boleh mengakibatkan mereka dihukum penjara seumur hidup.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat digesa memberitahu polis," ujarnya.